

Iblis Memuntahkan Isi Perutnya

Sebuah kisah..

Rasulullah s.a.w dapat melihat apa yang tidak boleh kita lihat, namun baginda memberitahu apa yang dilihatnya itu kepada kita.

Suatu hari beliau melihat keadaan yang bercanggah, sehingga membuat beliau tersenyum, lalu beliau menceritakan hal itu kepada sahabat-sahabatnya.

Kejadiannya berkaitan dengan diri syaitan, yang dilaknat Allah, apabila dia ikut makan bersama seseorang yang tidak menyebut nama Allah ketika memulai makan :

Daripada Umayyah bin Mukhsyi, yang termasuk sahabat Rasulullah s.a.w , dia berkata :

" Rasulullah s.a.w sedang duduk, sementara ada seseorang yang makan tanpa menyebutkan nama Allah, hingga akhirnya makanannya itu tinggal sisa satu suapan. Apabila dia mengangkat suapan itu ke mulutnya, dia berkata, "Bismillahi awwalahu wa akhirahu"

Maka Nabi s.a.w tersenyum, kemudian bersabda,

"Tadi syaitan terus-menerus makan bersamanya. Apabila orang itu menyebut asma Allah Azza wa Jalla, maka syaitan itu memuntahkan isi perutnya". (Diriwayatkan Abu Daud, An-Nasa'y, Al-Hakim dan Ibnu Sa'ad)

Dikatakan di dalam kitab *Aunul-Ma'bud*, 10/242-245, bahawa senyum Rasulullah s.a.w ini kerana hairan terhadap apa yang dilihatnya.

Sebagaimana yang disepakati jumur ulama salaf dan khalaf, bahawa syaitan mempunyai dua tangan dan dua kaki. Mereka juga terdiri dari lelaki dan wanita. Syaitan benar-benar ikut makan dengan menggunakan tangannya, jika makanan itu tidak ditolak dengan Basmalah.

Ada yang berpendapat, bahawa makannya syaitan itu hanya sekadar kiasan. Namun tidak ada sesuatu yang menguatkan pendapat ini. Sebab telah disebutkan di dalam hadis sahih, bahawa syaitan makan dengan menggunakan tangan kirinya dan minum dengan menggunakan tangan kirinya.

Dipetik Daripada : Senyum Dan Tangis Rasulullah S.A.W